



SIARAN MEDIA

PUSAT SOKONGAN SOSIAL SETEMPAT (PSSS) SEDIAKAN KHIDMAT PSIKOSOSIAL KEPADA MASYARAKAT

LUNDU, 8 FEBRUARI – Program Jelajah Kasih Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) “Kamek Nengar, Kamek Nulong” dan penyampaian Sumbangan *Back to School* telah dilaksanakan pada pagi ini di Auditorium Salcra Bajor. Program ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, merangkap Pengerusi Yayasan Kebajikan Negara sebagai sebahagian daripada inisiatif berterusan YKN dalam membantu Kerajaan memperkukuh kesejahteraan sosial dan pendidikan masyarakat.

Dalam ucapannya, YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, menekankan kepentingan peranan PSSS dalam menyediakan khidmat psikososial kepada masyarakat, terutamanya dalam menangani isu kesihatan mental yang semakin membimbangkan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

“Tekanan yang dihadapi sejak usia muda, sama ada disebabkan oleh masalah keluarga, pembelajaran, atau persekitaran, boleh memberi kesan jangka panjang jika tidak ditangani dengan baik. Dalam hubungan ini wujud keperluan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan yang berkesan semakin mendesak, dan peranan PSSS menjadi begitu signifikan,” ujarnya.

PSSS, menyediakan khidmat kaunseling dan sokongan psikososial secara profesional, bertujuan untuk membantu individu dan keluarga menghadapi cabaran sosial dan emosi. YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri juga menyeru lebih

banyak syarikat korporat dan organisasi untuk tampil menyokong inisiatif ini. “Kerjasama semua pihak amat diperlukan untuk memastikan kejayaan program ini. Sokongan daripada pihak korporat bukan sahaja membantu dalam aspek pembiayaan tetapi juga dalam menganjurkan program-program yang memberi manfaat kepada masyarakat,” tambah beliau.

Program ini turut menyaksikan penyampaian sumbangan *Back to School* kepada 220 murid dari sekolah-sekolah sekitar Lundu, hasil sumbangan dan tajaan pihak korporat. Sepanjang tempoh permulaan sesi persekolahan 2025, YKN telah menghulurkan sumbangan berupa beg sekolah dan alat tulis kepada hampir 1000 murid sekitar Kuching, Padawan, dan Lundu.

Sumbangan ini diharap dapat meringankan beban keluarga dan menyuntik semangat pelajar untuk terus bersemangat dalam mengejar kecemerlangan pendidikan. YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri berpesan kepada pelajar, “Belajarlah bersungguh-sungguh demi mencapai kejayaan. Pendidikan menjadi aset penting dan mampu mengubah taraf hidup sama ada anak itu sendiri atau pun keluarga pada masa depan”.

KPWKM berharap inisiatif seumpama ini akan terus diperluas ke seluruh negara bagi memberi manfaat kepada lebih ramai golongan yang memerlukan. Program Jelajah Kasih PSSS dan Sumbangan Back to School ini adalah bukti komitmen Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dalam membantu kerajaan membina masyarakat yang lebih sejahtera dan prihatin.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
8 FEBRUARI 2025**